

# HUKUM



# HUDUD

**ADAKAH IA SESUAI DILAKSANAKAN  
DI MALAYSIA PADA ABAD KE 21?**

ملڪ ۾ ڪرهندي



**HUKUM HUDUD:****Adakah Ia Sesuai Dilaksanakan di Malaysia Pada Abad ke 21?**

Edisi pertama 2023

© Sisters in Islam

**e ISBN 978-983-2622-55-0****Penulis**

Norhayati Kaprawi

**Penyunting Isi Kandungan**

Rozana Isa

Syarifatul Adibah

**Reka Letak**

Azzad Mahdzir

the keepers studio

**Diterbitkan oleh**

SIS Forum (Malaysia) (266562W)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Norhayati Kaprawi, 1966-  
HUKUM HUDUD: Adakah sesuai dilaksanakan di Malaysia pada abad ke 21? / Penulis: Norhayati Kaprawi. **e ISBN 978-983-2622-55-0**. Hadd punishment (Islamic law). 2. Criminal law (Islamic law)--Malaysia. 3. Punishment (Islamic law)--Malaysia. 4. Islamic law. I. Judul. 297.14

Sisters in Islam (SIS)

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Tel** +603 7960 3357 | 7960 5121 | 7960 6733**Faks** +603 7960 8737**Emel** sis@sistersinislam.org.my**Laman web** <https://sistersinislam.org>**Facebook** Sisters In Islam**Twitter** @SistersInIslam**YouTube** [youtube.com/SistersInIslamMYS](https://www.youtube.com/SistersInIslamMYS)

Mana-mana bahagian terbitan ini boleh disalin, diterbitkan semula, diadaptasi, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara pun untuk memenuhi keperluan setempat, bukan untuk tujuan mendapat keuntungan dan tanpa perlu mendapatkan izin Sisters in Islam.

Segala bentuk salinan, terbitan semula, adaptasi dan terjemahan secara mekanik, elektrik atau elektronik seharusnya memberi penghargaan kepada Sisters in Islam dan penulisnya sebagai sumber rujukan. Satu salinan sebarang bentuk terbitan semula, adaptasi dan/atau terjemahan harus dihantar kepada Sisters in Islam.

# KANDUNGAN

- 06 Pengenalan
- 10 Apa itu Hudud?
- 12 Berapa banyakkah ayat di dalam al-Quran yang menyebut hudud?
- 20 Jika begitu, bagaimana pula dengan hukuman potong tangan dan rejam untuk kesalahan mencuri dan berzina?
- 23 Apakah ada undang-undang hudud di Malaysia?
- 24 Apakah hanya ada hukum hudud di dalam Islam?
- 24 Apa itu hukum qisas?
- 28 Apa itu hukum diyat?
- 28 Apa itu hukum takzir?
- 29 Apakah antara jenis-jenis kesalahan dan bentuk hukuman di bawah Undang-undang Hudud Kelantan dan Terengganu?
- 32 Mengapakah Kelantan dan Terengganu belum melaksanakan hukum hudud?
- 34 Apakah hudud itu Shari'ah?
- 36 Apakah hukum hudud Kelantan dan Terengganu sama seperti Hudud yang disebut dalam al-Quran?

- 40** Apakah keadilan terlaksana dengan hukuman sebat?
- 43** Apakah memang Islam mengatakan kesaksian perempuan dalam kes jenayah tidak setara dengan nilai kesaksian lelaki?
- 47** Benarkah perempuan tidak dibenarkan menjadi hakim membicarakan kes hudud?
- 49** Benarkah sesiapa yang tidak mendukung pelaksanaan hukum hudud terus menjadi murtad atau kafir?
- 51** Apakah orang-orang bukan Islam tidak akan menerima kesan dari pelaksanaan hudud?
- 53** Apakah kesannya apabila perempuan dan bukan Islam tidak menjadi saksi untuk kesalahan hudud?
- 54** Apakah hanya dengan pelaksanaan hudud sahaja yang boleh mengurangkan kadar jenayah?
- 56** Apa itu RUU 355?
- 57** Penutup
- 59** Daftar Kata
- 61** Rujukan
- 62** Maklumat Tambahan

# PENGENALAN

Sejak dulu lagi, Sisters in Islam berpendirian bahawa setiap undang-undang yang melibatkan kepentingan dan yang memberi kesan kepada seluruh warganegara haruslah dibincang bersama-sama dengan masyarakat Malaysia.

Di dalam negara demokrasi berperlembagaan seperti Malaysia, kerajaan di peringkat Persekutuan atau Negeri yang sedang memerintah atau mana-mana pihak berkuasa, atau tokoh-tokoh politik dan agama tidak boleh melarang atau menutup apa-apa perbincangan atau perdebatan yang melibatkan hal-ehwal awam dan rakyat.



Oleh itu, perbincangan mengenai hudud di Malaysia tidak sepatutnya diwarnai dari neraca dan kepentingan politik saja. Rakyat Malaysia perlukan penerangan yang jelas berkenaan isu hudud agar keputusan yang diambil oleh rakyat dalam menentukan hala tuju Malaysia lebih berlandaskan pada maklumat yang berdasarkan ilmu, fakta dan realiti sebenar, dan bukan hanya berdasarkan propaganda dari pihak-pihak tertentu.

Kegagalan untuk memahami objektif utama Islam atau dengan hanya memahami undang-undang Islam sebagai pelaksana hukuman-hukuman keras akan menjurus kepada ketidakadilan. Apatah lagi jika penggubal dan pelaksana undang-undang hudud tidak memahami isu keadilan sosial dan isu gender, maka orang-orang yang lemah dan orang-orang perempuan pasti akan jadi mangsa.

Perempuan Islam terutamanya akan menerima kesan besar dari pelaksanaan hukum hudud yang tidak digubal dengan keprihatinan terhadap isu keadilan gender.

Isu kesaksian perempuan adalah contoh yang jelas. Enakmen Hudud, Qisas dan Takzir di Kelantan dan Terengganu menganggap kesaksian perempuan tidak setaraf nilai atau kredibilitinya dengan kesaksian laki-laki. Enakmen Hudud Kelantan contohnya, menyebut "Tiap-tiap orang saksi hendaklah terdiri daripada seorang lelaki Islam yang mukallaf dan hendaklah seorang adil." Ia mencerminkan mentaliti pelaksana hudud yang masih memandang rendah terhadap martabat dan keupayaan mental dan daya ingatan perempuan.

Penggubal dan pelaksana enakmen hukum hudud di Malaysia sering seperti dalam isu ini, enggan dan gagal untuk menilai dengan pemikiran yang kritis dan juga dari perspektif keadilan bahawa dalil yang digunakan untuk mendakwa dua orang perempuan diperlukan sebagai saksi hanyalah khusus dalam urusan kontrak kewangan atau perniagaan di dalam era di mana penglibatan perempuan dalam dunia perniagaan belum begitu aktif. Di era kini pula, kewibawaan dan kredibiliti perempuan, baik dalam urusan perdagangan atau malah dalam bidang perundangan tidak lagi diragui. Malaysia sendiri telah menunjukkan perempuan telah memegang jawatan Gabenor dan juga Ketua Hakim Negara yang mana kewibawaan dan kecekapan mereka sangat dihormati hingga ke peringkat antarabangsa.

Pemikiran dan pendirian para penggubal dan pelaksana hudud yang tidak peka terhadap isu keadilan gender seperti yang tercermin dalam isu kesaksian perempuan boleh mengakibatkan diskriminasi terhadap perempuan dan sukar untuk dihapuskan dan akan terus mencengkam hidup mereka.

Islam adalah agama yang sangat mementingkan keadilan dan agama yang peka dengan kemaslahatan manusia. Justeru itu, undang-undang Islam seharusnya dinamik dan dapat memberi respon pada keadaan semasa masyarakat dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan dapat terlaksana untuk masyarakat tersebut.

Allah swt berfirman bahawa Islam adalah agama yang membawa rahmah pada semua manusia di atas muka bumi dan juga pada seluruh alam.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Al-Anbiya 21: 107

Sebagai orang Islam, pastilah kita meyakini akan firman-firman Tuhan. Namun, firman-firman Allah swt itu sangat luas sekali maknanya yang mana tidak ada seorang atau segolongan manusia pun yang boleh mendabik dada mendakwa yang dia sajalah yang memahami apa yang dimaksudkan oleh firman Allah swt itu. Di dalam firman Allah swt yang lain:

أَفَحَسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَن  
يَتَّخِذُوا عِبَادِي مِن دُونِي  
أَوْلِيَاءَ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ  
لِلْكَافِرِينَ نَزَّلَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan."

Al-Kahfi 18: 109



Sejarah Islam menunjukkan terdapat pelbagai mazhab dan pendapat para ulama yang berbeza-beza dalam pelbagai hal. Perbezaan pemikiran dan pendapat diraikan di dalam Islam kerana al-Quran memang kerap menggalakkan manusia untuk terus berfikir demi membentuk kehidupan yang lebih baik di dunia dan di akhirat.

Imam Shafi'e contohnya dengan rendah hati menyatakan "pendapatku adalah benar, namun mungkin ada juga terjadi kesilapan." Imam Shafi'e juga telah memberi pendapat berbeza dalam satu isu yang sama, yang mana beliau menjelaskan perbezaan pendiriannya itu adalah kerana beliau mengambil faktor waktu, tempat serta masyarakat yang berbeza.

Imam Malik pula menolak permintaan Khalifah al-Mansur untuk meletakkan kitab al-Muwatta' yang dituliskannya di Ka'abah sebagai sumber hukum utama.

Imam Malik mengatakan "masyarakat Islam di tempat lain mungkin telah menerima ilmu yang berbeza."

Imam Malik juga berkata pada Khalifah Abbasiyah itu bahawa "perbezaan pendapat adalah suatu rahmat Allah kepada ummah".

Ulama-ulama besar di zaman silam sentiasa mengakhiri pendapat mereka dengan ungkapan "wallahu a'lam" yang bermaksud "hanya Tuhan yang Maha Mengetahui".

Sisters in Islam berharap agar buku ini dapat memberikan penjelasan ringkas mengenai hukum hudud dari segi makna dan kesannya terhadap masyarakat dan negara Malaysia, terutama kesannya terhadap perempuan.

# 01

## APA ITU HUDUD?

Hudud adalah perkataan ‘jamak’ (plural) bagi perkataan hadd dalam bahasa Arab.

Hudud secara literal bermaksud memisahkan sesuatu agar tidak bercampur dengan sesuatu yang lain atau salah satunya tidak bercampur dengan yang lain sehingga melampaui batasan (Ibn Manzur, Lisan Al-‘Arab, Jilid 2, ms. 353).

Manakala secara terminologi, hudud boleh diertikan sebagai sesuatu yang ditetapkan kadarnya atau batasnya oleh Allah SWT (Ali bin Muhammad Al Jurjani, Al Ta’rifat, ms. 83). Manakala Abu Bakar Al Jazairi pula menyatakan hudud adalah

larangan yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dan manusia berkewajipan untuk menjauhkan diri daripadanya (Abu Bakar Al Jazairi, Minhaj Al Muslim, Jilid 2, ms. 413).

Walaupun bagaimanapun, al-Quran sebenarnya tidak pernah menggunakan perkataan hadd atau hudud untuk merujuk pada hukuman (*‘uqubat*) – sama ada hukuman yang ditetapkan atau pun tidak.

‘Had-had Allah’ di dalam al-Quran adalah suatu konsep yang lebih menyeluruh yang tidak terbatas kepada kerangka perundangan sahaja. Ia lebih bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan mengenai isu-isu moral, perundangan dan keagamaan. Apabila al-Quran menyebut ‘had-had Allah’, tujuannya ialah untuk mengingatkan manusia agar jangan melampaui batas-batas

yang digariskan oleh Tuhan supaya mereka menjadi insan yang baik dan bertakwa, seperti yang dinyatakan dalam surah **al-Baqarah 2: 187**:

أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ  
وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ . عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ  
فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَمَّا عُنْتُمْ فَأَلَّنَ بَاشِرُوهُنَّ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ  
اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمْ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ  
الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى الْوَيْلِ وَلَا  
تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَكْفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا  
تَقْرَبُوهَا . كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

“Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukumNya kepada sekalian manusia supaya mereka bertakwa.”

# 02

## BERAPA BANYAKKAH AYAT DI DALAM AL-QURAN YANG MENYEBUT HUDUD?



Dari 6,666 ayat-ayat al-Quran, sebenarnya hanya sekitar 200 ayat sahaja yang berbicara tentang hukum-hukum.

Ungkapan 'Hudud Allah' pula hanya disebut sebanyak 14 kali sahaja di dalam al-Quran dan ianya hanya menyentuh perkara-perkara berikut:

أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٍ لَكُمْ  
وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لِهِنَّ . عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ  
فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَابْتَغُوا مَا كَتَبَ  
اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ  
الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى الْآيِلِ وَلَا  
تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَكْفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا  
تَقْرَبُوهَا . كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٠٠﴾

1

## Al-Baqarah

2: 187

1 kali

Berkeana  
hubungan  
suami isteri  
dalam bulan  
puasa

Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukumNya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa.

الطَّلَاقُ مَرَّتَيْنِ فَإِمْسَاكَ، بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ، بِإِحْسَانٍ وَلَا يَجِلُّ  
لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا  
حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا  
فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ  
اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٠٩﴾

2

## Al-Baqarah

2: 229

4 kali

Berkeana  
perceraian

Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ ۚ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

3

### Al-Baqarah

2: 230

2 kali

Berkeanaan  
percaian

Sesudah (diceraiakan dua kali), itu jika diceraiakan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraiakan (oleh suami baharu itu dan habis idahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (mas kahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya.

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ ۚ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٤﴾

4

### An-Nisa'

4: 13

1 kali

Berkeanaan  
faraid

Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar.

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا  
خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٥﴾

5

**An-Nisa'**

4: 14

1 kali  
Berkenaan  
perkara  
umum

Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan RasulNya, dan melampaui batas-batas SyariatNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina.

الْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا حُدُودَ مَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

6

**At-Tawbah**

9: 97

1 kali  
Berkenaan  
kemusyrikan

Orang-orang Arab lebih keras kufurnya dan sikap munafiknya, dan sangatlah patut mereka tidak mengetahui batas-batas (dan hukum-hukum Syarak) yang diturunkan oleh Allah kepada RasulNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.



التَّائِبُونَ الْعَبِدُونَ الْحَمِيدُونَ السَّائِحُونَ الرُّكِعُونَ  
السَّجِدُونَ الْأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَالْحَفِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ، وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٧﴾

7

## At-Tawbah

9: 112

1 kali

Berkenaan sifat manusia yang beriman, beribadah, mencegah kemungkaran & menegakkan kebenaran

(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).

الْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا حُدُودَ مَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٨﴾

8

## Al-Mujadilah

58: 4

1 kali  
Berkenaan  
denda sumpah  
zihar

Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan RasulNya (dengan mematuhi perintahNya serta menjauhi adat Jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا  
الْعِدَّةَ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ ۖ لَا تَخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا  
يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ۚ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ ۚ

9

## At-Talaq

65: 1

1 kali

Berkeaan  
perceraian

Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya); dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain).

Berdasarkan ayat-ayat yang tersenarai di atas, tiada satu pun perkataan hudud merujuk kepada kesalahan atau jenayah seperti mencuri, berzina, minum arak, merompak atau murtad.

# 03

## **JIKA BEGITU, BAGAIMANA PULA DENGAN HUKUMAN POTONG TANGAN DAN REJAM UNTUK KESALAHAN MENCURI DAN BERZINA?**

Al-Quran diturunkan dalam tempoh 23 tahun secara berperingkat dan tidak sekaligus untuk merespon isu-isu spesifik yang terjadi dalam masyarakat Arab pada ketika itu.

(Muhammad Abdul Azim Al Zurqani, *Manahil Al 'Irfan Fi 'Ulum Al-Quran*, ms. 102).



Sebelum menjelaskan tentang hukuman potong tangan dan rejam, perlu diingatkan bahawa hukuman-hukuman tersebut bukanlah bersifat tauqifi (wahyu) sebaliknya ia adalah undang-undang dan peraturan yang telah lama dipraktikkan oleh masyarakat Arab sejak dari zaman dahulu lagi. Bahkan, Ibn Jarir al-Thabari di dalam tafsirnya,

‘Jami’ al-Bayan ‘an-Ta’wil al-Quran’ sewaktu mentafsirkan surah al-Mai’dah ayat 38 dan 39 menyebutkan beberapa nama orang yang pernah dipotong tangannya sebelum kedatangan Islam lagi. Ini membuktikan bahawa hukuman potong tangan kepada orang yang mencuri telah lama diamalkan oleh masyarakat Arab pada ketika itu.

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا  
مِّنَ اللَّهِ. وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾ فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ  
وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣٩﴾

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah.

Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Al-Mai’dah, 5: 38-39<sup>1</sup>

Jika dilihat dari ayat al-Quran, terutama dari yang berbahasa Arab di atas, jelas bahawa perkataan hudud ataupun hadd tidak ada disebut langsung. Malahan, al-Quran terus menekan mengenai ruang taubat dan juga penerimaan taubat dari Allah swt. Ia menunjukkan bahawa mesej-mesej al-Quran bukanlah bertumpu untuk menghukum orang tetapi ajaran

al-Quran lebih banyak menekan kepada pembentukan keperibadian manusia yang berakhlak baik, berperikemanusiaan dan menjaga amanat Tuhan serta menjaga kebajikan sesama manusia. Ia tercermin di dalam kisah Sayidina Umar r.a. yang enggan menjatuhkan hukuman potong tangan terhadap seorang miskin yang mencuri.

<sup>1</sup> <https://quran.com/5/38>

Ini tidak bermakna yang Sayidina Umar r.a. menentang hukum yang telah dinyatakan dalam al-Quran; yang mana jika menurut ayat di atas, tiada sebarang pengecualian diberikan ke atas hukuman mencuri. Namun, Sayidina Umar amat faham bahawa ajaran Islam bukanlah untuk mengenakan hukuman keras, akan tetapi Sayidina Umar r.a faham bahawa antara matlamat utama Syari'ah ataupun maqasid Syari'ah adalah untuk menjunjung dan melaksanakan keadilan.

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang pelaksanaan hukuman potong tangan dan rejam kepada orang-orang yang melakukan kesalahan mencuri dan berzina. Misalnya, Imam Muhammad Abu Zahrah menyatakan tidak ada hukuman rejam kepada mereka yang berzina di dalam Islam kerana hukuman tersebut berasal dari hukuman yang diamalkan oleh orang-orang Yahudi sebelum kedatangan Islam lagi.<sup>2</sup> Pandangan Imam Muhammad Abu Zahrah tadi turut disokong oleh beberapa ulama di antaranya, Dr. Yusuf al-Qaradawi, Dr. Mustafa al-Zarqa' dan Dr. Mahmud Syaltut.

Objektif (maqasid) utama dari ayat-ayat al-Quran yang menyebut tentang hukuman adalah untuk mewujudkan masyarakat dan suasana negara yang sejahtera dan menegakkan keadilan sosial.

Para ulama sebelum berbicara tentang pelaksanaan undang-undang tidak lari dari aspek keadilan sosial dan kemaslahatan kepada rakyat seperti penyediaan peluang pekerjaan, pengagihan kekayaan negara yang adil kepada semua, menegakkan hak-hak asasi manusia dan menghormati martabat kemanusiaan.

'Hudud' mula difahami sebagai satu bentuk hukuman yang wajib diamalkan hanyalah salah satu dari sekian banyak pemahaman para ulama dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Buktinya, para ulama sehingga kini masih berbeza pendapat tentang kesalahan apa yang dikategorikan sebagai 'hudud'. Lihat sahaja negara-negara yang mendakwa mengamalkan undang-undang Islam, dari satu negara kepada negara lain, praktik dan pengamalan 'hudud' mereka berbeza dan berlainan. (Sila rujuk maklumat tambahan di muka surat 60).

Menurut Dar al-Ifta al-Misriyyah, satu badan penasihat, kehakiman dan pemerintahan Islam di Mesir sejak tahun 1895 Masihi menyatakan hukuman hudud tidak diperkenalkan secara eksklusif oleh Islam kerana hukuman ini juga boleh disebut di dalam kitab Taurat untuk kaum Yahudi di mana mereka juga merejam para pezina. Negara Mesir tidak pernah mengamalkan hukuman-hukuman yang di klasifikasikan 'hudud' ini.<sup>3</sup>

<sup>2</sup> <https://hawramani.com/professor-abu-zahrah-the-egyptian-islamic-scholar-who-rejected-the-punishment-of-stoning>

<sup>3</sup> The Islamic hudud: is it meant for application? (dar-alifta.org)

# 04

## APAKAH ADA UNDANG-UNDANG HUDUD DI MALAYSIA?



Parti PAS (Parti Islam seMalaysia)

telah pun meluluskan undang-undang hudud mereka di peringkat kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu seperti yang tersenarai:

2014



PAS Kelantan ingin melaksanakan hudud melalui usul persendirian di Parlimen.

2002



Enakmen Hudud, Qisas dan Takzir (Terengganu)

1993



Enakmen Hudud, Qisas dan Takzir (Kelantan)

# 05

## APAKAH HANYA ADA HUKUM HUDUD DALAM ISLAM?

Secara keseluruhan, selain dari hudud, terdapat juga hukum Qisas, Diyat dan juga Takzir menurut undang-undang jenayah Shari'ah di Malaysia.

# 06

## APA ITU HUKUM QISAS?

Hukum qisas merupakan bentuk hukuman balas atau tuntutan bela oleh wali mangsa terhadap pelaku jenayah.

Wali mangsa boleh memaafkan penjenayah, atau melakukan tindakan balas yang mereka fikirkan setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan terhadap ahli keluarga mereka yang telah menjadi mangsa itu.



Contohnya, bunuh boleh dibalas bunuh dan kecederaan atau kehilangan anggota badan dibalas sama seperti kecederaan yang dilakukan terhadap mangsa. Keluarga mangsa juga boleh meminta pampasan atau diyat dengan nilai yang mereka tentukan.

Persoalan yang timbul adalah siapakah di antara waris atau wali yang berhak menentukan hukuman balas itu? Apakah ayah, ibu atau waris yang lain?

Bagaimana jika ada percanggahan di antara mereka dalam menentukan hukuman? Keputusan siapakah yang akan didengar oleh mahkamah? Di dalam kes jenayah yang dilakukan oleh keluarga mangsa sendiri seperti bapa atau adik beradiknya, siapakah yang akan menentukan jenis balasan terhadap pelaku jenayah? Begitu juga, apakah akan wujud kemungkinan yang wali mangsa akan memaafkan saja pelaku jenayah tersebut sekiranya pelaku jenayah juga adalah ahli keluarga mereka juga?



Apakah negara melalui mahkamah hanya berperanan sebagai penasihat, namun tidak lagi mempunyai kuasa dalam menentukan dan melaksanakan hukuman terhadap penjenayah? Di dalam kes yang mana penjenayah telah berulang kali melakukan jenayah, apakah hakim mahkamah kehilangan kuasa dan tidak boleh berbuat apa-apa sekiranya wali mangsa memaafkan atau menentukan hukuman yang tidak setimpal kepada penjenayah tersebut?

Kemaafan atau pengampunan tentunya sesuatu yang baik dan mulia, terutama apabila si pesalah atau penjenayah telah menunjukkan kekesalan yang mendalam terhadap kesalahannya, dan ada bukti-bukti yang kukuh menunjukkan pesalah tidak punya potensi untuk melakukan kesalahan yang sama di masa depan. Di samping itu, mekanisme sokongan dari segi kaunseling dan sebagainya diberikan sehingga pesalah menjadi ahli masyarakat yang baik.

Hakim mahkamah sedia ada juga mempunyai bidang kuasa untuk membebaskan tertuduh setelah dibuktikan tertuduh tidak bersalah, atau menggunakan budi bicaranya, menurut ilmu dan pengalaman kehakimannya untuk memberi keringanan hukuman pada pesalah.

Namun, di antara kriteria dan tugas utama hakim mahkamah juga

adalah menentukan jenis hukuman yang paling sesuai dengan menggunakan ilmu kehakimannya tanpa rasa gentar terhadap penjenayah ataupun pada sesiapa sahaja. Hakim dapat berbuat demikian kerana telah mempunyai ilmu perundangan yang mendalam dan menjalani kursus kehakiman yang lama. Yang paling penting ialah hakim mendapat dukungan penuh dari negara, iaitu melalui segala mekanisma dan agensi kerajaan.

Hakim sebagai wakil negara adalah 'orang luar', iaitu bukan dari keluarga mangsa atau tertuduh. Justeru dalam menentukan hukumannya, hakim bebas dari sebarang tekanan sosial. Sistem perundangan dan kehakiman juga membolehkan seseorang hakim menarik diri atau tidak dibenarkan untuk menghakimi sesuatu kes sekiranya hakim tersebut mempunyai kepentingan atau terlibat secara langsung ataupun tidak di dalam sesuatu kes. Hakim mahkamah juga, berdasarkan undang-undang negara, tidak boleh menerima tawaran wang dari penjenayah kes berat untuk diganti dengan hukuman penjara.

Dalam menentukan hukuman balas, wali mangsa pula boleh terdedah kepada pengaruh dan tekanan sosial, dan juga tekanan dalam pelbagai bentuk dari pihak penjenayah. Tekanan termasuklah psikologi dan mental bertambah

besar sekiranya penjenayah itu punya kedudukan tinggi atau pengaruh besar dalam masyarakat ataupun terdiri dari kaum keluarga atau kerabatnya sendiri. Wali mangsa juga boleh terdedah kepada godaan 'sogokan' dalam bentuk wang pampasan lumayan oleh penjenayah kaya yang menawarkan wang dan harta bagi mengelak dikenakan hukuman fizikal terhadapnya.

Persoalan yang harus dibincangkan juga adalah sistem perundangan sedia ada, termasuk sistem kehakimannya, telah mengambilkira pelbagai sudut dan konteks dalam menentukan jenis-jenis hukuman. Malahan, di peringkat mahkamah persekutuan, beberapa hakim yang berpengalaman harus bersidang terlebih dahulu sebelum mencapai keputusan dalam menjatuhkan sesuatu hukuman. Undang-undang jenayah sedia ada misalnya membezakan antara kes bunuh dengan niat dengan pembunuhan tanpa niat atau tidak sengaja. Maka di dalam qisas, apakah hakim mahkamah tidak dapat berbuat apa-apa sekiranya kes bunuh yang tidak disengajakan, wali mangsa tetap menuntut pesalah untuk dihukum bunuh?

Negara hendaklah memikirkan sama ada sikap menuntut bela yang berdasarkan kepada dendam kesumat, dan penentuan hukuman yang tidak berdasarkan kepada ilmu dan panduan harus digalakkan di dalam negara moden seperti Malaysia.


# 07

## APA ITU HUKUM DIYAT?

Diyat adalah pampasan yang harus dibayar oleh pesalah apabila wali mangsa menuntut pampasan dari segi kewangan bagi kes-kes bunuh, serangan yang mencederakan dan juga kerosakan harta benda.

Diyat adalah hukuman alternatif kepada qisas. Ia bermakna wali mangsa tidak menuntut balasan atau hukuman fizikal terhadap penjenayah, akan tetapi menuntut pampasan dari segi kewangan atau material.

Persoalan yang sama timbul seperti hukum qisas seperti yang dibincangkan sebelum ini. Memandangkan hanya waris mangsa yang berhak menentukan jenis atau kadar hukuman atau diyat, apakah mungkin penjenayah kaya boleh melepaskan diri dari hukuman fizikal seperti penjara kerana dia mampu menawarkan bayaran yang lumayan pada waris mangsa?



# 08

## APA ITU HUKUM TAKZIR?

Hukum takzir adalah hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah negara yang mana hukuman bagi kesalahan tersebut tidak dinyatakan di dalam al-Quran.

Contohnya, undang-undang lalulintas atau undang-undang keganasan rumahtangga.

# 09

## **APAKAH ANTARA JENIS-JENIS KESALAHAN DAN BENTUK HUKUMAN DI BAWAH UNDANG- UNDANG HUDUD KELANTAN DAN TERENGGANU?**

Antara kesalahan-kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang hudud Kelantan dan Terengganu adalah:



## ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH II KELANTAN



## ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (HUDUD DAN QISAS) TERENGGANU

### MENCURI



**ENAKMEN KELANTAN**  
Bahagian 5

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Bahagian 5, Seksyen 20

- |                                                                                                                                                  |                                                                                                                                               |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Potong tangan kanan bagi kesalahan pertama</li> <li>2 Potong kaki kiri untuk kesalahan kedua</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>3 Dipenjara untuk tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah bagi kesalahan ketiga dan seterusnya</li> </ol> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|



### MEROMPAK



**ENAKMEN KELANTAN**  
Seksyen 9

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Seksyen 23

- |                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                              |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Dibunuh, jika mangsa yang dirompak itu dibunuh dan hartanya tidak diambil</li> <li>2 Dibunuh dan selepas itu disalibkan, jika mangsa yang dirompak itu dibunuh dan hartanya diambil</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>3 Dipotong tangan kanan dan kaki kirinya, jika harta saja yang diambil tanpa menyebabkan kematian mangsa</li> <li>4 Dipenjara jika mengugut untuk merompak</li> </ol> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|



## BERZINA



**ENAKMEN KELANTAN**  
Seksyen 11

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Seksyen 13

- 1 Jika pesalah sudah berkahwin, direjam iaitu dilontar dengan batu hingga mati
- 2 Jika pesalah belum berkahwin, sebatan 100 kali dan penjara 1 tahun

## MENUDUH ZINA



**ENAKMEN KELANTAN**  
Seksyen 11

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Seksyen 13

80 kali sebatan

## MINUM ARAK



**ENAKMEN KELANTAN**  
Seksyen 22

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Seksyen 5(2)

40 hingga 80 kali sebatan

## MURTAD



**ENAKMEN KELANTAN**  
Seksyen 23

**ENAKMEN TERENGGANU**  
Seksyen 26

Hukuman mati



# 10

## MENGAPA KELANTAN DAN TERENGGANU BELUM MELAKSANAKAN HUKUM HUDUD?

Walaupun Kelantan telah menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) (2015) dan Terengganu juga telah menggubal Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) (2002) dan Pindaan (2003) namun hingga ke hari ini, mereka belum lagi melaksanakannya.

Kedua-dua negeri ini tidak dapat melaksanakan undang-undang hudud kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan juga dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah).

1

Hukum hudud Kelantan dan Terengganu bertindih dengan Kanun Keseksaan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menetapkan dengan jelas bahawa Undang-undang Jenayah Shari'ah tidak boleh bertindih dengan Kanun Keseksaan Persekutuan. Ia bermakna hukum hudud tidak boleh mengadili atau mengenakan hukuman ke atas jenis-jenis jenayah yang telah pun termaktub di bawah bidangkuasa Kanun Keseksaan Persekutuan seperti jenayah rogol, rompak dan bunuh.



2

Undang-undang Islam hanya terpakai ke atas orang beragama Islam

Senarai Negeri (lihat Jadual Kesembilan, Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan) memperuntukkan bahawa setiap negeri hanya boleh membentuk undang-undang mengenai 'kesalahan yang dilakukan oleh orang yang beragama Islam' sahaja.

Mahkamah Syariah juga hanya mempunyai 'bidang kuasa ke atas orang-orang yang beragama Islam' sahaja.

Hukum hudud Kelantan dan Terengganu pula mahu digunapakai ke atas orang bukan Islam dengan menyebut bahawa orang bukan Islam boleh memilih sama ada kesalahannya dibicarakan di bawah hukum hudud atau 'enakmen ini terpakai ke atasnya' (Klausula 56). Ini tentunya membuka ruang pada penyalahgunaan dan menjurus kepada ketidakadilan kerana ia membolehkan orang-orang bukan Islam memilih hukuman yang lebih memanfaatkan dirinya. Orang Islam pula tidak diberi pilihan untuk memilih undang-undang mana yang terpakai ke atas mereka.


3

Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa mengenakan hukuman hudud

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) pindaan 1984 telah menghadkan bidang kuasa mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman maksima:

- 1 Penjara tidak melebihi tiga tahun
- 2 Denda tidak melebihi RM5,000
- 3 Sebatan tidak melebihi enam kali sebat

Hukuman hudud Kelantan dan Terengganu terutamanya memotong tangan dan kaki serta merejam sudah tentu melampaui bidang kuasa yang ditetapkan.



# 11

## APAKAH HUDUD ITU SHARI'AH?

Pertama sekali, kita perlu memahami apa itu Shari'ah.

Shari'ah secara literal bermaksud "jalan atau laluan mencari air". Shari'ah adalah apa yang Tuhan hendak dan disampaikan kepada Nabi Muhammad (saw) untuk diterangkan kepada manusia.


Shari'ah terdiri daripada nilai-nilai moral dan etika berdasarkan ajaran

dan trajektori teks suci Islam, satu jalan untuk membimbing orang Islam bagaimana untuk menjalani kehidupan di dunia dan bersiap sedia untuk kehidupan seterusnya. Shari'ah tidak boleh dihadkan kepada satu bentuk perundangan atau buku statut (perundangan). Ia adalah suatu kerangka menyeluruh yang bersumberkan al-Quran dan hadis, yang bersifat universal dan tidak berubah di sepanjang zaman atau tempat.

Shari'ah merangkumi hal-hal berkaitan aqidah, ibadah, muamalah, adab dan prinsip-prinsip etika dan moral dalam mencapai kesejahteraan dan keadilan untuk semua manusia dan seluruh alam. Maka, apa jua sistem dan undang-undang yang boleh memberikan keadilan dan kesejahteraan pada

manusia juga adalah memenuhi kehendak Shari'ah.

Tujuan Shari'ah (Maqasid Shari'ah) pula bukanlah semata-mata untuk menghukum atau mengenakan hukuman keras. Maksud atau tujuan besar Shari'ah adalah untuk:



Shari'ah hendaklah dibezakan dengan fiqh atau hukum hudud (hukum jenayah). Ia kerana fiqh dan hukum hudud adalah hukum-hakam yang dibentuk oleh para ulama hasil dari pemahaman dan tafsiran mereka terhadap al-Quran, hadis, suasana setempat dan juga waktu ketika itu. Ia bermakna fiqh sifatnya berubah-ubah mengikut tafsiran pemikiran manusia terutamanya para ulama, yang dipengaruhi oleh zaman, masyarakat dan keadaan setempat mereka pada waktu itu.

Sebagai contoh, Ahli Sunnah wal Jama'ah mempunyai empat mazhab utama iaitu Shafi'e, Hanafi, Hanbali dan Maliki. Empat mazhab ini mempunyai beberapa perbezaan dalam hukum-hakamnya. Ia kerana empat imam besar iaitu Imam Shafi'e, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad Ibn Hanbal dan Imam Malik hidup pada zaman, kawasan dan negara yang berbeza antara satu sama lain. Justeru, mereka mempunyai pemahaman dan tafsiran yang berbeza dalam beberapa perkara.

# 12

## **APAKAH HUKUM HUDUD KELANTAN DAN TERENGGANU SAMA SEPERTI HUDUD YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN?**

Walaupun penggubal Enakmen Hudud, Qisas dan Takzir Kelantan (1993) dan Terengganu (2002) mendakwa hukum hudud mereka adalah perintah Tuhan yang tidak boleh dipinda-

namun terdapat hukum dan klausa didalam RUU Hudud Terengganu dan Kelantan yang tidak merujuk dalil daripada al-Quran ataupun firman Allah swt. Contohnya:

1

## Hukuman bunuh terhadap orang murtad

Al-Quran sendiri tidak pernah memberikan sebarang hukuman duniawi untuk orang yang meninggalkan Islam ataupun murtad. Al-Quran menyatakan:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ  
آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا ثُمَّ  
أَزْدَادُوا كُفْرًا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيُغْفِرْ لَهُمْ  
وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ سَبِيلًا

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian mereka kafir, kemudian mereka beriman semula, kemudian mereka kafir sekali lagi, kemudian mereka bertambah-tambah lagi dengan kekufuran, Allah tidak sekali-kali akan memberi ampun kepada mereka, dan tidak akan memberi petunjuk hidayah kepada mereka ke jalan yang benar.”

Surah an-Nisa 4: 137

Al-Quran dengan jelas tidak memberikan sebarang hukuman duniawi dalam isu murtad.

Oleh kerana itu, ulama-ulama seperti Ibrahim al-Nakha'i (w. 95H) dan Sufyan al-Thawri (w. 162H) dan juga Ibn Taymiyyah (w. 728H) berpendirian hukuman murtad bukanlah di bawah hukum hudud dan pelaku tidak patut dihukum mati. Mereka berpendapat ia berada di bawah hukuman takzir.

Para ulama Shafi'e dan pendapat yang masyhur dikalangan para ulama Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa taubat seorang yang murtad diterima walaupun ia murtad berulang-ulang, berdasarkan firman Allah:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا  
يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ  
يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُهُ  
الْأُولَىٰ

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufurannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu, dan jika mereka kembali lagi (ingkar maka Kami akan menyiksa mereka), kerana sesungguhnya telah berlakulah kebinasaan orang-orang (yang kufur ingkar) dahulu kala”

Surah al-Anfal 8: 38

Syaikh Al-Azhar, Allahyarham Mahmud Shaltut juga menyatakan al-Quran tidak memberi hukuman duniawi dan pembalasan untuknya adalah di akhirat. Beliau berpendapat bahawa faktor asas yang membolehkan hukuman mati hanyalah bagi kes yang melibatkan keganasan dan kekerasan serta untuk menangkis kemelut sivil terhadap agama dan negara.

2

### Hukuman rejam

Hukum hudud Kelantan dan Terengganu menyatakan apabila pesalah yang melakukan zina itu adalah 'muhsan' (orang yang telah berkahwin dan telah pun melakukan hubungan seks dengan suami/isterinya), maka pesalah itu hendaklah dikenakan hukuman rejam iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besarnya sehingga mati.

Akan tetapi al-Quran tidak menyatakan yang hukuman rejam patut dikenakan ke atas orang yang berzina, sama ada bujang ataupun telah berkahwin. Hukuman rejam hanya tertera di dalam kitab Taurat dan Injil, dan merupakan hukuman yang diamalkan oleh kaum Yahudi sebelum kedatangan Islam.

Seorang ulama terkemuka, Muhammad Abu Zahrah merumuskan bahawa dalil hukuman rejam adalah meragukan dan menganjurkan agar ia tidak dilaksanakan.

Beliau mendapati semua hadis mengenai hukuman rejam adalah bersandarkan pada hadis Ahad dan bukannya hadis Mutawatir. (Untuk maklumat lanjut tentang hadis-hadis ini, sila rujuk pada Daftar Kata pada muka surat 57-58)

3

### Hukuman jenayah rogol

Apabila PAS memerintah Terengganu pada 2001, PAS memperkenalkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) 2002. Pada mulanya mereka telah meletakkan jenayah rogol di bawah klausa zina.

Akan tetapi, setelah dibantah oleh pertubuhan-pertubuhan perempuan, PAS menyatakan mereka telah meminda RUU Hudud mereka. Ini menunjukkan bahawa RUU Hudud Terengganu itu adalah sekadar interpretasi atau tafsiran PAS terhadap firman Allah swt.

Peristiwa itu juga menunjukkan kurang kefahaman oleh penggubal undang-undang ini tentang maksud keadilan, diskriminasi dan juga penindasan. Jika tidak kerana bantahan oleh pertubuhan perempuan, maka cadangan hukum hudud mereka itu akan kekal menjadi alat penindasan terhadap perempuan mangsa perkosaan.

Sesungguhnya Allah swt sangat mengutamakan keadilan terhadap setiap manusia seperti firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ اِعْدِلُوا هُوَ  
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

Surah al-Mai'dah 5: 8


# 13

## APAKAH KEADILAN TERLAKSANA DENGAN HUKUMAN SEBAT?

Seperti yang terlihat dari kes di Pahang pada tahun 2008 yang melibatkan seorang perempuan telah dijatuhkan hukuman enam kali sebatan kerana minum minuman keras

[Pendakwa Syarie Pahang v Kartika Sari Shukarno [2008] 1 MLRS 250]<sup>4</sup> dan juga kes dua orang perempuan yang dituduh melakukan kesalahan musahaqah (hubungan sejenis) di Terengganu, ramai yang gagal menilai dan memahami konsep keadilan di dalam dua kes tersebut.

<sup>4</sup> Pendakwa Syarie Pahang v Kartika Sari Shukarno [2008] 1 MLRS 250





Para pendukung hukuman sebat gagal mengambil kira bahawa ia adalah kesalahan kali pertama bagi Kartika dan juga bagi kedua-dua perempuan tersebut.

Di bawah undang-undang Shari'ah dan malah di bawah undang-undang Sivil, orang-orang yang melakukan kesalahan untuk pertama kali haruslah diberi keringanan hukuman, apatah lagi jika mereka telah mengaku bersalah. Namun, Kartika dan kedua-dua perempuan itu telah diberikan hukuman maksima dan mahu khalayak menonton hukuman yang diberi kepada mereka walaupun mereka telah mengaku bersalah. Padahal, faktor pengampunan juga adalah faktor penting di dalam hukum hudud.

Dari konteks keadilan yang lebih luas pula, ramai lagi orang-orang yang minum arak yang tidak ditangkap, atau tidak dikenakan hukuman maksima. Begitu juga, ramai pelaku-pelaku zina tidak dikenakan hukuman sebat. Lalu mengapa begitu ghairah untuk menyebat kedua-dua perempuan di Terengganu itu untuk tontonan ramai hinggalah sebatan mereka dilakukan di dalam mahkamah?

Persoalan yang penting juga adalah mengapa tidak ramai lelaki atau bapa-bapa yang tidak membayar nafkah anak dihukum di khalayak ramai? Undang-undang keluarga Islam di Malaysia ada menyatakan bahawa bapa yang tidak membayar nafkah anak boleh dipenjarakan. Contohnya:

## KECUAIAN DENGAN SENGAJA UNTUK MEMATUHI PERINTAH



### AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

Seksyen 132

1 Tanpa menjejaskan hak mana-mana orang yang mempunyai kepentingan di bawah mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta ini untuk menguatkuasakan perintah di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain, Mahkamah yang telah membuat perintah itu, dalam hal kegagalan dengan sengaja untuk mematuhi, boleh, jika perintah sedemikian menghendaki pembayaran

apa-apa amaun, mengarahkan amaun yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melevi denda yang dikenakan oleh Mahkamah atau boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan kepada orang yang dengan sengaja gagal mematuhi jika perintah pembayaran tiap-tiap bulan masih belum dibayar, atau, dalam mana-mana hal yang lain, pembayaran satu tahun yang masih belum dibayar.

2 Mahkamah boleh:

A Jika perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) menetapkan bagi pembayaran dibuat secara bulanan, menghukum orang yang dengan sengaja gagal mematuhi dengan pemenjaraan tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar; dan

B Dalam mana-mana hal lain, menghukum orang yang dengan sengaja gagal mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dengan pemenjaraan tidak melebihi setahun bagi mana-mana pembayaran yang masih belum dibayar.<sup>5</sup>

Walau bagaimanapun, Sisters in Islam (SIS) ingin menegaskan bahawa SIS tidak mendukung hukuman sebat. Pendekatan yang lebih baik bagi isu-isu dosa peribadi yang tidak memudaratkan orang lain adalah dengan memberi nasihat ataupun memberikan kemaafan jika mereka menyatakan kekesalan terhadap perbuatan mereka. Begitulah yang disunnahkan oleh Rasulullah s.a.w yang sering memberi ruang dan mencari jalan ke arah pembebasan dan pengampunan. Bagi kes-kes yang melibatkan kemudaratan terhadap orang lain pula, hukuman yang boleh memberi kesan ke arah pembaikan diri dan mendidik atau memastikan mereka menjadi insan yang berguna dan berbakti pada masyarakat adalah lebih baik dari mengenakan hukuman keras yang tidak berperikemanusiaan. Dalam kes bapa yang tidak membayar nafkah anak misalnya, adalah lebih baik jika pihak berkuasa menyediakan sistem dan mekanisme yang efisien bagi memastikan bapa-bapa ini dapat membuat pembayaran nafkah.

<sup>5</sup> <http://www.esyariah.gov.my>

# 14

## APAKAH MEMANG ISLAM MENGATAKAN KESAKSIAN PEREMPUAN DALAM KESJENYAH TIDAK SETARA DENGAN NILAI KESAKSIAN LELAKI?

Hukum hudud Kelantan dan Terengganu mensyaratkan saksi-saksi yang boleh membuktikan semua kesalahan di bawah hukum jenayah hudud dan qisas hendaklah terdiri daripada lelaki-lelaki Islam sahaja.

Padahal al-Quran tidak ada membuat larangan atau menolak kesaksian perempuan bagi kes-kes jenayah hudud dan qisas. Dalil yang sering digunakan untuk menolak atau menganggap kesaksian perempuan nilainya separuh dari kesaksian lelaki adalah bersandarkan pada ayat al-Quran yang sebenarnya khusus berbicara tentang isu kontrak jual-beli.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ  
وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ  
اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلَا يُمَلِّلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا  
يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا  
أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمَلِّهُ فَالْيُمَلِّلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُوا  
شَهِيدَيْنِ مِنْ رَجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتٌ مِمَّنْ  
تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا ۝

الْأُخْرَىٰ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْمَعُوا أَنْ  
تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ  
وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۚ  
وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ  
تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ ۚ وَاللَّهُ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu.

Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi.”

Surah al-Baqarah 2: 282

*Gapo-gapo kesaksiye ambo tok trimo, tapi piti zakat ambo trimo slalu?*



Ayat di atas jelas merujuk pada isu kontrak jual beli atau perniagaan sahaja.

Di zaman Nabi s.a.w., perempuan secara amnya belum terdedah dalam urusan kontrak kewangan atau jual-beli. Malahan, status perempuan pada masa itu sangat rendah dan sering dipinggirkan dalam urusan penulisan kontrak kewangan.

Maka ayat ini sebenarnya adalah suatu usaha Islam untuk memartabatkan dan mengakui hak perempuan untuk turut terlibat dalam urusan kewangan dan perniagaan.

Jika dikaji ayat di atas, perempuan saksi kedua hanya akan ditanya sekiranya saksi perempuan pertama itu terlupa fakta. Sekiranya perempuan pertama itu jelas ingatan dan keterangannya, sebenarnya kesaksiannya akan diterima penuh.

Dalil yang menunjukkan perempuan diiktiraf sebagai saksi penuh:

- 1 Dalam kes li'an, yakni bila seorang suami menuduh isteri berzina, kesaksian atau sumpah seorang isteri (perempuan) boleh mengalahkan kesaksian atau sumpah suaminya. Ia bermakna, Islam menerima penuh kesaksian perempuan.
- 2 Kesaksian Naila, isteri Sayidina Umar r.a. yang menyaksikan pembunuhan Umar telah diterima penuh dan tidak diragui langsung. Sayidina Ali menjatuhkan hukuman terhadap pembunuh Umar berdasarkan pada kesaksian Naila.
- 3 Ada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan juga Imam Tarmizi di dalam Kitab al-Hudud, bab Ma Ja'a Fi al-Mar'ah Iza Ustukrihat 'Ala al-Zina, meriwayatkan kisah seorang perempuan yang mengadu telah dicabuli kehormatannya dan Rasulullah s.a.w telah menerima penuh kesaksiannya lalu menghukum pencabul tersebut.
- 4 Dalam sejarah Islam juga terdapat beribu perawi hadis perempuan. Ia bermakna kesaksian mereka, yang mendakwa telah mendengar atau telah mempelajari sabda-sabda Nabi Muhammad s.a.w telah diterima tanpa sebarang keraguan oleh sesiapa pun termasuklah para sahabat dan ulama-ulama besar. Padahal, banyak hadis dari para perempuan adalah berkaitan dengan hal-hal amalan ibadat untuk semua umat Islam, termasuklah untuk para lelaki. Ini membuktikan keupayaan mental atau daya ingatan perempuan tidak diragui langsung dan tidak dianggap rendah mutunya berbanding dengan kesaksian lelaki. Siti Aisyah r.a. merupakan orang kedua terbanyak dalam meriwayatkan hadis, iaitu lebih kurang 2,100 hadis.

# 15

## **BENARKAH PEREMPUAN TIDAK DIBENARKAN MENJADI HAKIM MEMBICARAKAN KES HUDUD?**

Realiti menunjukkan perempuan-perempuan Islam di Malaysia bukan sahaja telah menjadi saksi di mahkamah, malah telah menjadi Hakim Besar dan Hakim Negara di mahkamah Sivil.

Terdapat ramai hakim perempuan di mahkamah Sivil yang telah pun mengendali kes-kes jenayah berat tanpa sebarang masalah, termasuklah kes-kes jenayah seperti serangan mencederakan tubuh badan, rompak, bunuh dan sebagainya. Kewibawaan dan kualiti kehakiman mereka juga tidak pernah diragui atau dipertikaikan hanya kerana mereka perempuan.

Namun undang-undang Shari'ah terutamanya undang-undang atau enakmen hudud di Malaysia tetap menganggap kesaksian perempuan lebih rendah mutunya atau separuh nilainya daripada kesaksian lelaki.

Malahan, sekiranya sesuatu jenayah itu hanya disaksikan oleh perempuan dan tiada lelaki yang turut jadi saksi - kes tersebut tidak akan dihukum di bawah hukuman hudud, tetapi sebagai hukuman takzir.

Ia kerana para penggubal enakmen hudud menganggap nilai kesaksian perempuan tidak mempunyai kredibiliti dan punya nilai yang setara dengan kesaksian lelaki.

Ramai perempuan Islam telah menjadi saksi untuk kes-kes jenayah di mahkamah Sivil. Apakah ada fakta atau statistik yang menunjukkan kesaksian perempuan lebih rendah mutunya dari kesaksian lelaki?





# 16

## **BENARKAH SESIAPA YANG TIDAK MENDUKUNG PELAKSANAAN HUKUM HUDUD BOLEH DIANGGAP MURTAD ATAU KAFIR?**

Tidak semudah itu menghukum orang Islam sebagai murtad atau kafir.

Ada banyak negara yang penduduk majoritinya Islam tidak melaksanakan hukuman hudud seperti Turki, Maghribi, Tunisia dan Mesir. Maka, adakah pemimpin-pemimpin dan rakyat di negara-negara tersebut murtad atau kafir?

Malahan PAS yang mendakwa memperjuangkan hudud itu pun mengambil pendirian untuk menangguhkan pelaksanaan hudud.

Negara Brunei yang telah pun mewartakan hukum hudud pun masih belum mahu melaksanakan hukuman itu ke atas rakyatnya. Malahan, Brunei menarik balik niat untuk melaksanakan hukuman mati terhadap golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transeksual (LGBT) setelah menerima tekanan antarabangsa.

Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda:

“Elakkanlah hudud selagi boleh agar tidak dikenakan ke atas sesiapa, dan cubalah sedaya upaya untuk mencari alasan untuk melepaskan (orang tertuduh), kerana lebih baik untuk penguasa membuat kesilapan dalam membebaskan daripada menjatuhkan hukuman ke atas orang yang tidak bersalah.”

Sunan al-Tirmidhi, no. 1424

Khalifah Umar r.a. juga telah menyatakan pendirian yang serupa iaitu:

"Lebih baik bagiku untuk tidak laksanakan hudud dari mengenakannya atas bukti yang tidak kukuh atau meragukan."

**Al-Baihaqi; Sunan, Jilid. 8, ms. 236,**  
dan juga  
**Ibn Abi Shayba, Al-Faruq al-hadisa,**  
**Musannaf, Kaherah,**  
**2007, Jilid. 9, ms. 304**

"Aku tidak pernah melihat satu kes yang melibatkan pembalasan hukum yang dirujuk kepada Rasulullah s.a.w, kecuali baginda mengarahkan untuk mengampunkan pesalah itu."

**Sunan Abu Dawud, no. 4497**

“Elakkan hudud jika terdapat keraguan atau kesamaran.”

Al-Baihaqi, Sunan,  
Jilid. 8, ms. 413

**Dinyatakan lemah oleh Ibn Hajar**  
**Al-'Asqalani dalam Bulugh Al-**  
**Maram, hadis no: 1047, namun dinilai**  
**hasan oleh Al-Sayuthi dalam Al-**  
**Jami' Al-Soghir, hadis no: 314**<sup>6</sup>

<sup>6</sup> <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/HUUD-SATU-PENJELASAN.pdf>, pp. 119-120

# 17

## APAKAH ORANG-ORANG BUKAN ISLAM TIDAK AKAN MENERIMA KESAN DARI PELAKSANAAN HUDUD?



Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri dari masyarakat majmuk berbilang bangsa, maka orang-orang bukan Islam pun akan menerima kesan dari pelaksanaan undang-undang hudud sama ada secara langsung ataupun tidak.

Sekarang ini pun, walaupun hudud belum dilaksanakan, orang-orang bukan Islam telah pun menerima kesan dari pelaksanaan undang-undang Shari'ah.

Sebagai contoh:

**1 KES RAMPAS MAYAT**

Beberapa kes telah berlaku yang mana ahli keluarga bukan Islam terkejut apabila ahli keluarga mereka yang baru meninggal dunia diambil mayatnya oleh anggota jabatan agama Islam atas dakwaan ahli keluarga yang meninggal itu telah memeluk Islam sewaktu dia hidup.

Ahli keluarga bukan Islam itu dinafikan langsung hak mereka terhadap jenazah ahli keluarga mereka, hubungan kekeluargaan dan perasaan mereka dianggap tidak penting oleh anggota jabatan agama. Islam bukanlah agama yang tidak berperikemanusiaan dan seharusnya, walaupun benar mendiang telah memeluk Islam sewaktu hayatnya, jabatan agama hendaklah menggunakan budi bicara dan berhemah dalam melakukan sebarang perbincangan dengan keluarga mangsa.

**2 MUSLIM & BUKAN MUSLIM: UNDANG-UNDANG SIVIL ATAU SHARI'AH?**

Sekiranya dalam satu jenayah yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam, maka apakah kes itu akan dibicarakan di bawah hukum hudud atau apakah di bawah undang-undang sivil? Masalah akan timbul kerana Perlembagaan Malaysia jelas memperuntukkan bahawa mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang-orang beragama Islam sahaja.

**3 SAKSI: HANYA LELAKI MUSLIM**

Di bawah hukum hudud juga, syarat menjadi saksi mestilah lelaki yang beragama Islam. Ini bermakna orang-orang bukan Islam, dan juga perempuan Islam, dianggap sebagai rakyat kelas kedua atau lebih rendah kualiti atau darjatnya, atau kurang dipercayai berbanding para lelaki Islam.

**4 TIADA NILAI DI SISI SHARI'AH: TIADA PERUNTUKAN**

Hukum hudud juga memperuntukkan bahawa hukuman tidak akan dikenakan terhadap kes-kes curi atau rompak yang melibatkan "harta benda itu tidak punya nilai di sisi Shari'ah seperti minuman memabukkan atau barang-barang hiburan". (Sila Rujuk Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan Bahagian 1 Seksyen 7 (g) dan Seksyen 21 (g) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu).

Adakah ini bermakna pencuri mungkin akan dikenakan hukuman takzir ringan sahaja atau tidak akan dihukum langsung atas alasan barang-barang itu adalah tidak halal menurut hukum undang-undang Islam?

# 18

## APAKAH KESANNYA APABILA UNDANG-UNDANG MENGANGGAP PEREMPUAN DAN ORANG BUKAN ISLAM TIDAK LAYAK MENJADI SAKSI UNTUK KESALAHAN HUDUD?


Undang-undang sedemikian jelas melakukan diskriminasi terhadap orang-orang bukan Islam dan juga perempuan-perempuan Islam.

Ia menganggap mutu kesaksian mereka lebih rendah nilainya berbanding dengan kesaksian lelaki Islam. Ironinya, orang-orang bukan Islam dan para perempuan Islamlah yang akan menjadi pendinding

atau penghalang pelaksanaan hukum hudud terhadap penjenayah. Ini kerana hukum hudud hanya menerima kesaksian lelaki Islam dalam menjatuhkan hukuman hudud, maka ketika orang bukan Islam atau hanya perempuan Islam telah menyaksikan sesuatu jenayah, maka penjenayah itu tidak akan dikenakan hukuman hudud, sebaliknya hanya hukuman takzir sahaja. Seorang pencuri yang saksi-saksinya hanya perempuan misalnya, walaupun akan dikenakan hukuman takzir seperti penjara, namun dia akan terlepas dari hukuman potong tangan.

# 19

## APAKAH HANYA DENGAN PELAKSANAAN HUDUD SAHAJA YANG BOLEH MENGURANGKAN KADAR JENAYAH?



Negara-negara yang sangat rendah kadar jenayahnya seperti Sweden, Switzerland dan Jerman tidak mempunyai undang-undang hudud di negara mereka.

Manakala, negara-negara yang telah melaksanakan hudud seperti Arab Saudi, Pakistan dan Nigeria pun, belum tentu perempuan selamat untuk berjalan seorang diri di ruang awam. Yang harus ditekankan adalah pendidikan tentang nilai-nilai dan etika yang baik yang perlu diajar sejak kecil lagi.

Sebagai contoh, anak-anak lelaki harus dididik dari kecil bahawa mengganggu perempuan itu walau apa pun alasannya adalah suatu perbuatan yang salah. Begitu juga, mengambil hak serta mengganggu orang lain itu adalah perbuatan yang tidak boleh diterima.

Negara juga bertanggungjawab untuk menyediakan kehidupan yang baik untuk rakyatnya agar rakyat tidak mudah terjerumus dalam kegiatan jenayah. Negara perlu menyediakan sistem keselamatan yang efisien agar rakyat terpelihara.

# 20

## APA ITU RUU 355?



Rang Undang-undang 355 (RUU 355) adalah usul persendirian yang mulanya dikemukakan oleh ahli parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Dewan Rakyat pada 2015 untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355).

Pada mulanya iaitu pada 7 April 2015, Presiden PAS itu mengusulkan agar Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang yang sesuai dengan kehendak Shari'ah Islam.<sup>7</sup>

Kemudian pada 26 Mei 2016, Datuk Seri Abdul Hadi Awang meminda usulannya agar mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Shari'ah selain dari hukuman mati.

<sup>7</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/371708>



Seterusnya, berdasarkan kepada Pindaan Usul yang dikemukakan oleh ahli parlimen Marang pada 24 November 2016, beliau menyatakan tujuan menggubal RUU 355 ini adalah untuk meningkatkan bidangkuasa mahkamah Syariah bagi kesalahan jenayah Shari'ah kepada:

- 1 Penjara tidak melebihi 3 tahun kepada penjara tidak melebihi 30 tahun.
- 2 Denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda tidak melebihi RM100,000.00.
- 3 Sebatan tidak melebihi 6 kali kepada sebatan tidak melebihi 100 kali.

Oleh kerana RUU 355 adalah di bawah kuasa undang-undang Persekutuan, maka ia akan digunapakai di seluruh Malaysia dan bukan hanya di Kelantan dan Terengganu sahaja.

Pahang telah pun menyatakan hasrat untuk melaksanakan RUU 355 di negeri itu. Sekiranya RUU 355 dilaksanakan, hukuman yang amat berat akan dikenakan ke atas sabitan di bawah undang-undang Shari'ah, samada Undang-Undang Keluarga, Undang-Undang Jenayah Shari'ah (yang sekarang ini sedia ada di setiap negeri) atau Undang-Undang Hudud (yang hanya diluluskan di Terengganu dan Kelantan buat masa ini).

Usul hukuman RUU 355 itu mencerminkan mentaliti penggubal dan pelaksana hudud yang hanya memahami hukum hudud Islam hanyalah sebagai mengenakan hukuman keras sahaja, seolah-olah 'lagi berat hukumannya, maka semakin Islamlah ia'.

Sikap sedemikian adalah bertentangan dengan pendekatan Rasulullah s.a.w sendiri (terutama dalam kes-kes dosa peribadi) yang sentiasa berusaha untuk mengampunkan atau meringankan hukuman dan memberi ruang untuk pesalah memperbaiki dirinya. Begitu juga, apabila al-Quran menyebut tentang hukuman, seringkali ia diikuti dengan ayat yang membuka ruang untuk pesalah bertaubat.

Ia bermakna, Islam lebih cenderung mengambil pendekatan restoratif, iaitu pemulihan diri pesalah ke arah menjadi insan yang lebih baik dan bukannya pendekatan retributif iaitu hanya mahu mengenakan hukuman keras.



# PENUTUP

Islam adalah agama keadilan dan bukanlah agama yang hauskan kekerasan.

Islam tidak tersebar luas kerana hukuman kerasnya. Islam diterima dan diimani ramai kerana sifat Islam yang membawa rahmah, kedamaian, memberi keadilan dan kesejahteraan pada penganutnya. Islam adalah agama reformis atau pembawa pembaharuan yang sentiasa peka pada perubahan zaman, tepat dan kehidupan masyarakat.

Undang-undang yang keras sahaja tidak akan mampu membentuk insan dan umat yang berkeperibadian mulia. Malaysia harus menuju ke hadapan dengan memikir dan melaksanakan sistem hukuman yang adil, yang mengambil kira situasi masyarakat Malaysia masa kini. Sistem perundangan dan kehakiman seharusnya tidak menganiaya yang lemah dan tidak memberi ruang kepada yang berkuasa dikecualikan dan bebas dari hukuman.

Malaysia juga harus mencontohi beberapa negara yang memberi fokus dan menyediakan mekanisme yang berkesan dalam memberi peluang pesalah untuk berubah menjadi ahli masyarakat yang baik dan menyumbang kepada negara.

Apa yang Malaysia perlukan adalah pelaksanaan undang-undang yang adil, pemerintahan kerajaan yang bersih, telus, cekap dan memberi kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat.

Yang menjadi keutamaan adalah membentuk sistem pendidikan yang baik agar anak-anak generasi masa depan diajar dengan nilai-nilai yang mulia.

Kanak-kanak harus dilatih dengan perkara-perkara asas seperti menjaga kebersihan, mencintai dan menjaga alam sekitar, menghormati perempuan sebagai manusia berdarjat, menghormati orang lain walaupun mereka berlainan adat, bangsa dan agama, dan sentiasa

bercakap benar dan tidak mengambil hak orang lain walau apa pun keadaannya. Kanak-kanak juga perlu dididik untuk berfikir kritis dan peka terhadap keadilan. Dengan pendidikan yang baik, ia dapat membentuk insan yang berkeperibadian tinggi dan mengurangkan kadar jenayah serta menjadikan Malaysia dihormati di persada dunia.

Usaha memartabatkan Islam juga bukanlah hanya dengan pelaksanaan hukum hudud, akan tetapi dapat memartabatkan Islam dengan memberi fokus tinggi terhadap masalah rakyat, dan meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup rakyat.

Sesungguhnya matlamat Islam adalah untuk membentuk masyarakat yang bertamadun, menjunjung keadilan dan memberi kesejahteraan pada masyarakat.

# DAFTAR KATA

## 1 Maqasid Shari'ah

Perkataan maqasid dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan maqasid yang diambil dari kata kerja (قصد) yang membawa maksud; pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan. Dengan lain perkataan, istilah ini merujuk kepada maksud 'objektif' yang membawa erti berasaskan kenyataan atau fakta sebenar.

Manakala Shari'ah berasal daripada perkataan syara'a (شرع) yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus mengalir,

memulai sesuatu pekerjaan dan menjelaskan, menerangkan serta menunjukkan jalan. Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasulullah nabi Muhammad SAW.

Secara umum, maqasid Shari'ah seperti yang diterangkan oleh ulama usul fiqh ianya merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

## 2 Hadis Mutawatir

Hadis Mutawatir adalah hadis yang diriwayatkan oleh ramai perawi dan besar kemungkinan tidak mungkin akan terjadi pembohongan atau pendustaan terhadap satu-satu hadis itu. Perawi-perawi datang dari pelbagai kediaman, tempat dan masa. Satu-satu hadis menjadi mutawatir bila bilangan perawinya cukup besar dan mereka mendengar hadis yang sama disampaikan walaupun berbeza tempat dan masa.

Hadis Mutawatir menyampai keyakinan, tidak ada bantahan, keraguan dan hukum yang dikeluarkan juga berdasarkan bukti.

Contoh hadis muwawatir adalah

'...sesiapa yang dengan sengaja berdusta tentang diriku, maka sediakan tempat untuk mereka di dalam neraka'

**Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, bab Ithm man kadhhaba 'alan Nabi**

Hadis ini telah diriwayatkan oleh sebahagian besar Sahabat termasuk Ali b. Abu Talib, Zubayr al-Awam, Anas b. Malik, Salma b. al-Akwa dan Abu Hurairah. Bilangan perawi hadis ini bertambah dari masa ke masa.<sup>8</sup>

<sup>8</sup> Kamali, 2002, p. 243

### 3 Hadis Ahad

Hadis Ahad ialah hadis yang tidak mencapai jumlah perawi seperti perawi dalam hadis mutawatir di samping tiada keseimbangan jumlah perawi dalam peringkat Sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Selain itu, Hadis Ahad juga bermaksud hadis yang terbatas jalan-jalan riwayatnya dan tidak sampai kepada peringkat hadis mutawatir atau bilangan perawi Hadis Ahad tidak sampai kepada bilangan perawi hadis mutawatir.

Hukum Hadis Ahad bersifat 'nazari,' iaitu bergantung kepada pemerhatian dan kajian terhadap sanad (punca atau rujukan hadis) dan matannya (teks hadis), sejauh mana ia memenuhi syarat-syarat hadis sahih. Mengikut kadar syarat yang dipenuhi, Hadis Ahad berkemungkinan terdiri dari hadis sahih, hasan, dhaif bahkan mungkin juga maudu' (palsu).

Para ulama membahagikan hadis Ahad kepada tiga bahagian iaitu:

#### A Hadis Gharib

Menurut Imam al-Baiquniy, hadis Gharib adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja sebagaimana disebutkan di dalam manzhumahnya. Hadis Gharib boleh menjadi sahih, hasan, dhaif dan sebagainya bergantung kepada perawi-perawi yang terdapat di dalam sanad tersebut.

#### B Hadis Aziz

Hadis Aziz adalah hadis yang diriwayatkan oleh dua orang perawi sahaja menurut Imam al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitabnya. *[Lihat: Nuzhah al-Nazhor, 49]* Hadis Aziz boleh menjadi sahih, hasan, dhaif dan sebagainya setelah melihat kepada keadaan perawi-perawi yang terdapat di dalam sanad riwayat tersebut.

#### C Hadis Masyhur

Hadis Masyhur adalah hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih daripada itu. Ini adalah pendapat kebanyakan ahli Hadis. Hadis Masyhur boleh menjadi sahih, hasan, dhaif dan sebagainya bergantung kepada hal keadaan perawi atau sanad hadis tersebut.<sup>9</sup>

<sup>9</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019

# RUJUKAN

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Diambil daripada <http://www.esyariah.gov.my>

El-Muhammady, Abdul Halim (November 2013). Undang-undang Islam: perbandingan dan penelitian di beberapa negara Islam selepas merdeka. Diambil daripada <http://www.mindamadani.my/topik/bicara-haraki/item/8-undang-undang-islam-perbandingan-dan-penelitian-di-beberapa-negara-islam-selepas-merdeka.html>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020). Jenis-jenis Hadis. Diambil daripada <http://myhadis.islam.gov.my/index.php/bm/ilmu-hadis-4/jenis-jenis-hadis/43-hadis-mutawatir>

Kamali, M. H. (2003). Hukuman dalam undang-undang Islam: satu penelitian terhadap hukum hudud Kelantan dan Terengganu. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

Kamali, M. H. (2008). Shari'ah law: an introduction. Oxford: Oneworld Publications.

Majlis Agama Islam Selangor. (2015). Hudud: satu penjelasan. Diambil daripada <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/HUDUD-SATU-PENJELASAN.pdf>

Malaysiakini. (7 Februari 2017). RUU 355: 10 persoalan mudah yang perlu diketahui. Diambil daripada <https://www.malaysiakini.com/news/371708>

Muller, D. M. (2020). Brunei's Sharia Penal Code Order: punitive turn or the art of non-punishment? Symposium on Brunei's new Islamic Criminal Law Code. Journal of Islamic Law, volume 1 (Fall/Winter 2020), 16 halaman. <https://journalofislamiclaw.com/current/article/view/muller>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (12 Febuari 2019). Irsyad Al-Hadis Siri Ke-342: Hadis Ahad. Diambil daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadis/3114-irsyad-al-hadis-siri-ke-342-hadis-ahad>

Terjemahan al-Quran dalam Bahasa Melayu. (17 November 2005). Diambil daripada <https://www.iiium.edu.my/deed/quran/malay/>

The Islamic hudud: is it meant for application? (21 Januari 2021). Diambil daripada <https://www.dar-alifta.org/foreign/ViewArticle.aspxID=1748&CategoryID=5>


The Law Library of Congress. Laws criminalising apostasy in selected jurisdiction. May 2014. Diambil daripada <https://www.loc.gov/law/help/apostasy/index.php#brunei>

The Law Library of Congress. Laws criminalising apostasy in selected jurisdiction. May 2014. Diambil daripada <https://www.loc.gov/law/help/apostasy/index.php#qatar>

# MAKLUMAT TAMBAHAN


Pelaksanaan Hudud di beberapa Negara Islam

1

NEGARA	NAMA UNDANG-UNDANG	PELAKSANAAN HUDUD/TAKZIR	SEJAK
 TUNISIA	<b>KANUN STATUS PERIBADI</b>	Tidak dilaksanakan	-

Tunisia mempunyai tradisi sekular dan sistem perundangan berdasarkan undang-undang sivil Perancis. Tunisia menghapuskan Mahkamah Syariah pada tahun 1956.

2

 MAGHRIBI	<b>KANUN KESEKSAAN &amp; KANUN PROSEDUR JENAYAH</b>	Tidak dilaksanakan	-
-----------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------	--------------------	---


Maghribi tidak menjatuhkan hukuman mati ke atas orang yang murtad di bawah peruntukan Kanun Keseksaan. Akan tetapi pada April 2013, Majlis Tertinggi Ulama telah mengeluarkan satu fatwa bahawa umat Islam yang murtad mesti dihukum mati. Pada Februari 2017, Majlis Tertinggi Ulama menarik balik fatwa bahawa orang yang murtad patut dihukum mati.

3

 ARAB SAUDI	<b>TIADA UNDANG-UNDANG BERTULIS</b>	Hudud & Takzir dilaksanakan	1927
---------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------	-----------------------------	------


Undang-undang di Arab Saudi berdasarkan sepenuhnya kepada shari'ah. Undang-undang Status Peribadi tidak dikodifikasi dan hakim di mahkamah membuat keputusan berdasarkan tafsiran mereka sendiri mengenai shari'ah.

4

NEGARA	NAMA UNDANG-UNDANG	PELAKSANAAN HUDUD/TAKZIR	SEJAK
 IRAN	<b>KANUN KESEKSAAN ISLAM            IRAN</b>	Hudud dilaksanakan	1991

Artikel 167 perlembagaan menyatakan bahawa semua keputusan kehakiman harus berdasarkan "sumber Islam yang berwibawa dan fatwa yang sah". Buku ke-2 Kanun Keseksaan Islam Iran sepenuhnya dikhaskan untuk hukuman hudud.


5

 PAKISTAN	<b>ORDINAN HUDUD</b>	Tidak dilaksanakan	1979
-----------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------	--------------------	------

Kanun Keseksaan Pakistan dianggap sebagai kanun kesalahan takzir. Ordinan Hudud membahagikan jenayah zina, qazaf, minuman keras dan mencuri kepada dua kategori: yang boleh dikenakan hadd dan yang boleh dikenakan takzir. Hukuman Takzir merangkumi bentuk hukuman seperti denda, penjara dan sebat.



6

NEGARA	NAMA UNDANG-UNDANG	PELAKSANAAN HUDUD/TAKZIR	SEJAK
 <b>BRUNEI</b>	<b>PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH 1</b>	Hudud dan takzir diamalkan	2014

Mahkamah Syariah akan memutuskan kes-kes berkaitan status peribadi dan kesalahan-kesalahan agama. Pada Mei 1996, Sultan Hassanal Bolkiah telah pun menyatakan hasratnya untuk mewujudkan undang-undang jenayah Islam secepat mungkin. Pada 2011, Sultan sekali lagi menegaskan yang rancangan ini mesti dilaksanakan.

Kanun Keseksaan yang digubal pada bulan Mei 2014 menetapkan hukuman shari'ah, termasuklah pemetongan anggota badan kerana mencuri harta, dan direjam dengan batu kerana berzina dan lakukan homoseksual.

Akan tetapi pada 2019, Sultan telah mengumumkan penangguhan sementara hukuman mati untuk kesalahan-kesalahan seperti berzina dan lakukan homoseksual dan digantikan dengan denda atau penjara atau sebatan, atau kombinasi tiga hukuman sekaligus.

Di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, hukuman hudud ada dinyatakan untuk beberapa kesalahan jenayah tetapi sehingga kini Brunei belum melaksanakan hukuman ini keseluruhannya kerana tidak cukup tenaga kerja dan hukuman ini masih dikaji dari segi prosedurnya.

7

 <b>ACEH, INDONESIA</b>	<b>QANUN JINAYAT</b>	Hudud diamalkan	2002
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------	-----------------	------

Kesalahan seperti bersendirian dengan ahli berlainan jantina yang tiada kaitan, berjudi dan melanggar peraturan berpakaian boleh dikenakan hukuman sebatan awam. Pada tahun 2014, pemerintah provinsi Aceh memperluas jangkauan shari'ah, menggubal dan menguatkuasakan peraturan hukuman shari'ah kepada orang bukan Islam juga.

8

NEGARA	NAMA UNDANG-UNDANG	PELAKSANAAN HUDUD/TAKZIR	SEJAK
 SUDAN	<b>AKTA PROSEDUR JENYAH 1983 &amp; KANUN KESEKSAAN 1983</b>	Hudud diamalkan	1983 tapi dihentikan pada Sept 2020

Ketika Numairi dilantik sebagai Presiden pada 1983, beliau telah mengisytiharkan rancangan untuk Islamisasikan seluruh sistem perundangan di Sudan. Dengan ini perubahan besar telah berlaku dalam sistem perundangan di mana semua undang-undang terpaksa digubal semula. Akta Jenayah 1991 menetapkan hukuman 40 sebatan kerana meminum alkohol, potong tangan kanan kerana mencuri pada nilai tertentu dan rejam kerana berzina. Namun, tidak ada rekod yang hukuman potong tangan atau rejam pernah dilakukan di Sudan. Pada tahun 2005, Sudan memakai perlembagaan nasional sementara dan menghapus beberapa rujukan hukuman shari'ah, tetapi memasukkan undang-undang jenayah, sivil dan peribadi yang berasaskan shari'ah, serta hukuman hudud.

Hukuman shari'ah di Sudan berakhir pada September 2020, ketika Sudan secara rasmi menjadi negara sekular setelah pemerintah bersetuju untuk memisahkan hukum agama dari negara. Ia mengakhiri lebih daripada 30 tahun pemerintahan Islam dan Islam sebagai agama rasmi untuk negara-negara Afrika Utara. Undang-undang murtad dan sebatan awam turut terbatal.

9



NIGERIA


### UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENYAH SYARIAH

Hudud  
diamalkan  
di 12 negeri

2000


Hukuman shari'ah telah digunapakai dalam kes-kes sivil terutama di negeri-negeri bermajoriti Islam. Pada tahun 1999, Gabenor negeri Zamfara, Ahmad Sani Yerima mendesak agar mengadakan perlembagaan shari'ah pada peringkat pemerintahan negeri. Ini telah diikuti oleh 12 dari 36 negeri di Nigeria dan negeri-negeri ini memperluas hukuman shari'ah kepada kes-kes jenayah. Mahkamah Syariah boleh memerintahkan hukuman potong anggota badan, dan ia telah dilakukan dalam beberapa kes. 12 negeri yang melaksanakan hukuman shari'ah adalah Zamfara, Bauchi, Borno, Gombe, Jigawa, Kaduna, Kano, Katsina, Kebbi, Niger, Sokoto dan Yobe.

10

NEGARA	NAMA UNDANG-UNDANG	PELAKSANAAN HUDUD/TAKZIR	SEJAK
 AFGHANISTAN	<b>KANUN JENAYAH</b>	Hudud diamalkan	1976

Undang-undang jenayah di Afghanistan berdasarkan kepada hukuman shari'ah. Kanun Jenayah 1976 memperkenalkan sistem kuasi-sekular untuk semua kesalahan takzir, tetapi memberi peruntukan penerapan hukum hudud, qisas dan diyat menurut prinsip-prinsip mazhab Hanafi. Bermula tahun 2003, hampir semua pengadilan, termasuklah Mahkamah Agung Afghanistan mengunapakai hukuman shari'ah.

11

 QATAR	<b>KANUN KESEKSAAN</b>	Hudud diamalkan	2004
--------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------	-----------------	------

Kesalahan-kesalahan yang tertakluk kepada hukuman hudud adalah mencuri, merompak, berzina, memfitnah, minum arak dan murtad. Sebatan dikenakan ke atas kesalahan minum arak atau melakukan hubungan seks luar nikah. Artikel 88 Kanun Jenayah Qatar menyatakan hukuman untuk pelakuan zina adalah 100 sebatan. Pelaku zina boleh dihukum mati jika perempuan Islam dan lelaki bukan Islam terlibat.

Pada tahun 2012, enam pekerja asing dijatuhkan hukuman sebatan sebanyak 40 dan 100 kali. Pada Jun 2014, seorang pekerja asing Islam dijatuhkan hukuman 40 sebatan kerana minum arak dan memandu di bawah pengaruh alkohol. Hukuman sebat adalah biasa di Qatar kerana pemerintah mengikut pemahaman Hanbali berkaitan shari'ah. Artikel 1 Undang-undang 11 2004 (Kanun Keseksaan) membenarkan penggunaan hukuman shari'ah untuk kesalahan yang tersebut di atas jika pelakunya adalah orang Islam.





# سisters in islam

## SIS Forum (Malaysia)

266561 w



@SistersInIslam



sistersinislam.my



@OFFICIALSIS



SistersInIslamMYS



No. 4, Lorong 11/8E  
46200 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia



+603 7960 3357  
+603 7960 5121  
+603 7960 6733



sis@sistersinislam.org.my



+603 7960 8737

<https://sistersinislam.org>

e ISBN 978-983-2622-55-0



9 789832 622550